

# Kemarau melampau jejas hasil patin sangkar

BH 08/05/24 m/s 19

Ribuan anak ikan mati akibat Sungai Pahang susut, kontang di beberapa tempat

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim dan Roselan Ab Malek  
bhnews@bh.com.my

**Jerantut:** Cuaca panas melampau sejak lebih sebulan lalu menyebabkan berpuluhan ribu anak ikan patin yang diternak dalam sangkar, mati mengejut dengan ramai pengusaha di daerah ini mendakwa mengalami kerugian besar.

Tambahan pula, keadaan cuaca itu turut menyebabkan paras air di Sungai Pahang surut, malah dilaporkan kering-kontang di sesetengah tempat.

Penternak ikan patin dalam sangkar di Kampung Lada, Bahasirzal Abu Bakar, 44, mendakwa lebih 2,000 anak ikan patin berusia dua bulan yang diternaknya mati.

"Saya ada 51 sangkar, tetapi hanya mengisi sembilan daripada

danya untuk menternak patin.

"Setiap sangkar diisi kira-kira 1,000 hingga 1,500 anak ikan, namun tidak semua dapat bertahan dengan cuaca panas ini."

"Biasanya, patin perlu diternak lebih empat bulan sebelum dapat dipasarkan," katanya.

Penternak patin sangkar turut mendakwa berdepan kenaikan harga makanan ikan yang mencerek RM83 seguni, sekali gus menambah kerugian ditanggung mereka apabila banyak ternakan itu mati.

Penternak di Kampung Rumput Makmur, Nizam Mohd Tapar, 40, mengaku cuaca panas ketika ini menyebabkan hasil ternakan merosot.

Beliau berkata, banyak anak patin mati dipercayai kekurangan oksigen, selain air sungai menjadi panas disebabkan kemarau melampau.

Justeru, katanya, pembekalan ikan patin ke pasaran dijangka terjejas beberapa bulan mendatang susulan cuaca panas melampau yang menyebabkan pembesaran ternakan itu terbantut.

"Ikan patin berusia enam bulan sepatutnya mampu mencapai berat 1.2 kilogram, namun cuaca panas menyebabkan beratnya kini sekitar 800 gram," katanya.

Sementara itu di Kelantan, ke-



Bahasirzal mengambil bangkai anak ikan dalam sangkar ternakan yang mati akibat cuaca panas melampau di Kampung Lada, Jerantut.

(Foto Roselan Ab Malek/BH)

san fenomena El Nino menyaksikan Pasir Mas merekodkan cuaca panas tahap dua yang merujuk gelombang haba lima hari berturut-turut sejak 2 Mei dengan suhu harian mencerek 37 hingga 40 derjah Celsius, malah kawasan itu tidak menerima hujan sejak tiga bulan lalu.

## 3 bulan tak hujan

Penduduk Kampung Tersang di Pasir Mas, Saidi Husin, 52, menyifatkan musim kemarau kali ini sebagai paling panjang dan teruk berbanding sebelumnya.

"Sudah tiga bulan tiada hujan dan air telaga sedalam lebih 10 meter pun kering sehingga kami terpaksa mandi di sungai."

"Semalam (kelmarin), kami menggali untuk mendalamkan lagi telaga, tetapi air pula berbau. Bayangkan sudah lebih dua bulan kami terpaksa mandi sungai disebabkan air dibekalkan Air Kelantan Sdn Bhd (AKSB) juga tiada."

"Saya tidak tahu bagaimana keadaan selepas ini jika kemarau berpanjangan," katanya.



Saidi Hussin (kanan) bersama Mohd Irwan melihat air telaga kering susulan musim kemarau.

(Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

Seorang lagi penduduk, Mohd Irwan Faizal, 40, berkata cuaca panas melampau ketika turut menyebabkan beliau sukar tidur pada waktu malam.

"Setiap malam saya terpaksa basahkan tuala untuk letak pada

badan. Panasnya kali ini sehingga kulit pun terasa pedih."

"Saya dan lima anak juga terpaksa mandi di sungai kerana tiada bekalan air. Sungai pun semakin cetepek berikutnya sudah terlalu lama kemarau," katanya.